



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENERAPAN LITERASI VISUAL DALAM PENDIDIKAN SENI:
SATU KAJIAN KES POTRET KELUARGA KAPITAN CINA
DI LARUT DAN MATANG.

LIU CHENG HUA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SENI)

FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2013



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

8.6.2013

LIU CHENG HUA

M20092001185





PENGHARGAAN

Saya sangat bersyukur kepada Tuhan kerana dapat menyiapkan disertasi dalam jangka masa yang ditetapkan. Di kesempatan ini, saya mengucapkan Ribuan Terima Kasih kepada Penyelia saya, Prof. Madya Dr. Md. Nasir bin Ibrahim kerana memberi peluang dan tunjuk ajar dalam menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga kepada Prof. Dr. Zakaria bin Ali, Prof. Madya Zulkifli bin Yusoff serta Dr. Ahmad Suhaimi bin Mohd. Noor dalam membimbing serta memberi tunjuk ajar dalam kajian berkaitan dengan isu dan visual. Terima kasih kepada kalian semua atas curahan ilmu yang amat bernilai buat diri saya serta dorongan yang diberikan sepanjang penyelidikan saya.

Seterusnya, tidak dilupakan juga kepada semua individu yang terlibat untuk membantu menyiapkan disertasi ini, kepada ibu dan bapa saya, Puan Ang Siew Lian dan Encik Liu Maw Chung yang sentiasa memberi sokongan dan kesabaran dalam membina kerjaya saya, pewaris keluarga Kapitan Chung Keng Kwee iaitu Puan Chung Lay Yong, pakar sejarah dan warisan Taiping Encik Lee Eng Kew, pemilik bangunan pejabat Kapitan Chung Keng Kwee (Kedai Bee Poh sekarang) Encik Yeap Thean Eng, pemilik Kapitan Antique House Encik Tan Kok Siew, Penang Peranakan Mansion, Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI, rakan-rakan serta pensyarah-pensyarah yang memberi kerjasama serta pertolongan yang sewajarnya. Segala pengalaman dalam menyiapkan disertasi ini akan saya jadikan panduan yang berguna kepada saya. Ribuan Terima Kasih kepada semua.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis potret keluarga Kapitan Cina dengan menerapkan literasi visual dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk kajian kes. Kaedah yang digunakan dalam mengumpul data ialah temu bual dan analisis artifak. Dalam kajian ini, foto potret keluarga Kapitan Cina yang terdiri daripada tujuh keping dianalisis dengan menggunakan pendekatan intraestetik dan ekstraestetik untuk mengenal pasti makna tersurat dan tersirat yang terdapat di dalam potret-potret tersebut. Kajian ini didukung oleh dua teori iaitu Teori Ikonografi oleh Panofsky dan Teori Apresiasi oleh Feldman. Di samping itu, tiga orang responden yang terdiri daripada pelbagai latar belakang telah ditemubual untuk mengenalpasti serta memahami mengenai potret-potret tersebut. Dapatan kajian memperlihatkan Kapitan Cina mempunyai reputasi dan imej tersendiri dari segi kebudayaan, nilai-nilai dan sosio-ekonomi. Pakaian serta aksesori yang dipakai adalah unik dan eksklusif. Tempat potret tersebut juga memperlihatkan suasana yang mencerminkan amalan dan gaya hidup yang berbeza dengan masyarakat yang lain.





ABSTRACT

INTEGRATION OF VISUAL LITERACY IN ART EDUCATION: A CASE STUDY OF CHINESE KAPITAN FAMILY POTRAIT IN LARUT AND MATANG.

This study aims to analyze the Chinese Kapitan family portraits by applying visual literacy in the teaching and learning of Visual Art Education. This study applied with qualitative case study methods. Methods used in collecting data are interviews and analysis of artifacts. In this study, seven pieces of the Chinese Kapitan family portrait photo were analyzed using intraestetik and extraestetik approach to identify explicit and implicit meanings contained in these portraits. This study was supported by two theories which is Iconography Theory by Panofsky and Appreciation Theory by Feldman. In addition, three respondents from different backgrounds were interviewed to identify and understand about these portraits. The findings of the study showed Chinese Kapitan has reputation and distinctive image in terms of culture, values and socio-economic development. Clothing and accessories worn are unique and exclusive. The place in portrait also exhibits the reflect of practices and lifestyle which are different from others sosciety.



ISI KANDUNGAN

Muka surat

HALAMAN JUDUL	
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI JADUAL	viii
 BAB 1 : PENGENALAN	 1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Masalah Kajian	3
1.3 Tujuan Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	4
1.5 Kepentingan Kajian	5
1.6 Rumusan	6
 BAB 2 : SOROTAN LITERATUR	 8
2.1 Sorotan Literatur	8
2.2 Konsep dan Teori	10
2.2.1 Teori Ikonografi	10
2.2.2 Teori Apresiasi	12
2.3 Kerangka Teori	14
2.4 Rumusan	15
 BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN	 16
3.1 Pendekatan Kajian	16
3.2 Reka Bentuk Kajian	17
3.2.1 Kajian Kes	18
3.2.2 Instrumen Kajian	19
3.2.3 Analisis yang Digunakan	19
3.3 Matrik Pengumpulan Data	25
3.4 Sumber dan Teknik Pengumpulan Data	26

3.5	Rumusan	27
BAB 4 :	DAPATAN KAJIAN	28
4.1	Dapatan Kajian	28
4.2	Analisis Dapatan Kajian	29
4.3	Rumusan	74
BAB 5 :	PERBINCANGAN DAN KAJIAN	75
5.1	Perbincangan	75
5.2	Kesimpulan	76
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	77
	Rujukan	78
	Lampiran	



SENARAI RAJAH

Rajah	muka surat
1 Susunan sorotan literatur	8
2 Tiga Peringkat dalam Teori Ikonografi oleh Panofsky (1955)	11
3 Model Teori Apresiasi oleh Feldman (1968)	13
4 Kerangka Teori	14





SENARAI JADUAL

Jadual

muka surat

1	Intraestetik potret keluarga Kapitan Cina di Larut dan Matang	20
2	Matriks Pengumpulan Data	25





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Latar Belakang Kajian

Kemampuan untuk membuat interpretasi dan memberi makna kepada sesebuah gambar atau imej adalah literasi visual. Literasi visual adalah idea yang mana mesej dan makna di sebuah gambar dapat dicungkil dalam bentuk tulisan yang boleh dibaca. literasi visual digunakan pertama kali oleh John Debes pada tahun 1968.

Messaris (1995) menakrifkan literasi visual sebagai pengetahuan dan pengalaman semasa berurusan dengan media visual yang mempunyai kesedaran terhadapnya. Ausburn dan Ausburn (1978) menyatakan literasi visual adalah termasuk satu cara yang mampu membantu individu tertentu untuk memahami dan menggunakan visual untuk berkomunikasi dengan yang lain. literasi visual adalah apa yang lihat dengan mata dan apa yang faham di dalam minda. Seseorang penulis atau pengkritik seni seharusnya





mempunyai kebolehan membaca dan menulis dalam bahasa visual. Ini termasuk kemampuan untuk mentafsir dan menginterpretasi mesej visual dan seterusnya menghuraikan dalam bentuk komunikasi visual yang bermakna.

Kepentingan literasi visual nyata merangkumi sejarah dan melalui disiplin. Sebagai contoh, pembacaan peta dan *x-ray* merupakan kebiasaan dan keperluan tertentu di dalam kehidupan. Kefahaman dan membuat interpretasi sesebuah gambar telah menjadi satu asas yang sama dengan penyelesaian masalah yang berkaitan dengan formula matematik, kimia dan pembacaan pelan arkitek.

Literasi visual merujuk kepada kebolehan untuk menginterpretasikan mesej visual dengan tepat dan mampu mentafsir mesej yang tidak dinyatakan. Literasi visual dapat dibahagi kepada dua iaitu *Input Strategies* dan *Output Strategies*. *Input Strategies* adalah untuk membantu penyelidik untuk mentafsir kod atau kemahiran membaca visual dengan menjalankan latihan analisis visual. *Output Strategies* pula membantu penyelidik menulis visual sebagai ekspresi berkomunikasi dengan yang lain melalui perancangan dan produksikan persembahan visual dan video.

Dalam kajian ini, literasi visual digunakan dalam menganalisis potret keluarga Kapitan Cina. Analisis terhadap potret ini penting kerana sumbangan yang signifikan yang telah dilakukan oleh Kapitan Cina. Hal ini disebabkan Kapitan Cina telah wujud sejak penjajahan Portugis lagi. Dalam sistem Kangchu, ketua mereka dipanggil Kapitan, yang bermaksud ketua. Peranan Kapitan Cina adalah memberi pekerjaan, kewangan, perlindungan dan sebagainya kepada masyarakat Cina.

Kajian ini memberikan fokus kepada Kapitan Chung Keng Kwee, iaitu Kapitan Cina yang terawal di Tanah Melayu. Kapitan Chung adalah telah datang ke Tanah Melayu pada tahun 1841 semasa beliau berumur 18 tahun. Beliau menerima arahan daripada ibunya supaya datang ke Tanah Melayu untuk mencari ayah dan abang beliau.



Apabila Kapitan Chung telah sampai ke Tanah Melayu, beliau telah menyertai kumpulan Hai San dan bekerja sebagai pelombong bijih timah. Beliau telah dilantik sebagai ketua komuniti Cina atas perhubungan yang baik dengan Ngah Ibrahim. Selepas Perang Larut yang ke-3, beliau telah di lantik sebagai Kapitan Cina oleh pihak British atas sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh beliau pada masa itu.

Chung Keng Kwee mula menjadi Kapitan Cina di Larut dan Matang pada tahun 1840 sehingga 1884. Beliau telah dilantik salah seorang daripada enam Ahli Lembaga Negeri Perak. Beliau merupakan pengusaha bijih timah dan juga Ketua Komuniti Hakka di larut (sekarang Taiping). Kapitan Chung Keng Kwee juga sangat disegani oleh masyarakat Cina dan Eropah semasa penjajahan British (*colonial settlement*).

Analisis visual terhadap potret Kapitan Chung Keng Kwee dalam kajian ini menjadi asas kepada elemen apresiasi dan kritikan seni dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan analisis semiotik visual yang diketengahkan oleh Panovsky dan kritikan seni yang dikemukakan oleh Feldman.

1.2 Masalah Kajian

Manusia tidak pandai untuk membaca dianggap sebagai buta huruf. Mana kala manusia yang tidak dapat ‘membaca’ bahasa visual dianggap buta seni. Dalam hal ini, jika seseorang manusia itu tidak mampu untuk mentafsir visual, menghayati seni, menyenangi karya seni, maka orang itu boleh dianggap sebagai buta seni. Kefahaman dan membuat interpretasi sesebuah gambar telah menjadi satu asas kerana kehidupan zaman sekarang penuh dengan media visual seperti, papan tanda, gambar, lukisan, catan dan sebagainya.



Literasi visual dianggap sangat penting kerana pada zaman yang serba moden ini, komunikasi secara berkesan dan bersifat universal sangat bergantung pada visual. Perumpamaan “*a picture is worth a thousand words*” sangat berkait rapat dengan kajian ini. Ungkapan yang lahir di Amerika Syarikat pada awal abad ke-20 ini pada hakikatnya telah pun digunakan di China pada zaman Konfucius. Perumpamaan ini menegaskan makna yang tersurat dan tersirat yang terkandung dalam sesebuah gambar. Memahami makna yang tersurat jauh lebih mudah daripada menanggapi makna yang tersirat. Jika kaedah untuk memahami maksud tersurat dan tersirat ini tidak diberi perhatian, maka seseorang itu dikatakan akan terus menjadi buta seni. Inilah yang menjadi masalah dalam kalangan guru-guru dan pelajar-pelajar di sekolah mahupun di peringkat pengajian tinggi dalam membuat penafsiran deskriptif dan interpretif terhadap sesebuah karya seni. Hal ini menjejaskan minat seseorang terhadap seni visual.



Dalam konteks Kapitan Cina Larut dan Matang iaitu Kapitan Chung Keng Kwee pula, dokumentasi terhadap mereka sangat kurang dan semakin pupus. Sebagai seorang yang sangat berpengaruh di daerah Larut (sekarang Taiping) dan di Perak, kajian terhadap beliau sangat penting, walaupun sekadar melalui analisis potret. Peranan beliau dalam membangun dari sebuah kawasan mundur menjadi sebuah bandar yang terkemuka dan penting di antara tahun 1829 sehingga 1902 perlu diberi pengiktirafan. Potret keluarga Kapitan Cina merupakan bahan sejarah dan khazanah yang sangat penting di negara kita. Oleh demikian, kajian untuk menganalisis dan menginterpretasi tujuh buah potret akan dibuat dengan terperinci melalui pendekatan intraestetik dan ekstraestetik.





1.3 Tujuan Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk:

1. Mengetengahkan literasi visual sebagai perkara penting dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) Pendidikan Seni melalui potret Kapitan Cina.
2. Menginterpretasi dan menganalisis secara interestetik dan ekstraestetik potret keluarga Kapitan Cina di Larut dan Matang.
3. Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan Kapitan Cina di Larut dan Matang sebagai penggerak ekonomi dan sosial di daerah tersebut.

1.4 Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah literasi visual dikaitkan dengan potret keluarga Kapitan Cina di Larut dan Matang?
2. Apakah literasi visual dalam konteks Pendidikan Seni yang dapat diungkapkan di dalam potret keluarga Kapitan Cina di Larut dan Matang dari segi perilaku?
3. Apakah faktor wujudnya potret-potret keluarga Kapitan Chung keng Kwee di Larut dan Matang?

1.5 Kepentingan Kajian

Pusat Perkembangan Kurikulum (2000), menegaskan matlamat Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah adalah untuk membentuk keperibadian generasi Malaysia yang celik budaya, mempunyai nilai-nilai estetik yang tinggi, imaginatif, kritis, kreatif, inovatif dan inventif.

Sering dengan matlamat Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah, hasil kajian ini akan memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar tentang perkara penting untuk menjadikan seseorang itu celik seni melalui apresiasi seni dan kritikan seni menerusi





potret keluarga Kapitan Cina di Larut dan Matang. Kajian ini penting sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam apresiasi dan kritikan Pendidikan Seni Visual di peringkat Sekolah Menengah. Apresiasi dalam konteks literasi visual adalah melihat intraestetik kemudian wujudnya ekstraestetik di dalam kajian.

Intraestetik adalah merujuk kepada sesuatu visual yang dapat dilihat dan dibaca atau tersurat manakala ekstraestetik pula adalah sesuatu mesej atau makna di dalam gambar dan visual yang tidak dapat dibaca. Ekstraestetik akan dapat setelah analisis secara mendalam telah dibuat terhadap gambar potret dengan menggabungkan Teori Ikonografi oleh Panofsky dan Teori Apresiasi oleh Feldman.

Hubungan Pendidikan Seni dengan Teori Ikonografi dan Teori Apresiasi adalah rapat dan saling melengkapi antara satu sama lain. Ini disebabkan oleh kaedah yang dinyatakan untuk menginterpretasi sama ada potret atau lukisan yang diterapkan menerusi teori tersebut sentiasa mempunyai perhubungan dengan pendidikan khususnya mengenai seni visual.

Selain itu, kajian ini juga menjelaskan literasi visual Kapitan Cina khususnya di Larut dan Matang melalui potret keluarga yang mengurus kegiatan lombong bijih timah di Larut dan Matang dan menjadi salah seorang ataupun keluarga yang terkaya di daerah Larut dan Matang. Penulisan ini juga akan memberi gambaran perkembangan perlombongan bijih timah serta kongsi gelap yang wujud di Larut Matang. Penemuan serta interpretasi menerusi potret keluarga ini juga berharap supaya dapat merangsang minat dan sekali gus memberi kecenderungan dalam kalangan sarjana, penyelidik, penggemar seni dan budaya untuk bersama-sama memahami literasi melalui potret keluarga Kapitan Cina di Larut dan Matang. Secara tidak langsung juga sebagai rekod analisis dan apresiasi dalam kebudayaan dan identiti menerusi potret keluarga Kapitan Cina di Larut dan Matang untuk penelitian generasi akan datang yang mana peranan



Kapitan tidak wujud lagi pada zaman sekarang. Menurut Tjetjep Rohendi Rohidi (2004) menyatakan kaedah ilmiah, sebagai kaedah, sangat bergantung pada perubahan historikalnya.

1.6 Rumusan

Kajian ini berfokus pada interestetik dan ekstraestetik melalui potret keluarga Kapitan Cina di Larut dan Matang. Maka analisis dan interpretasi potret dapat dibuat menerusi visual sehingga dapat mengungkapkannya sebagai satu identiti. Pendidikan Seni dengan Teori Ikonografi dan Teori Apresiasi sentiasa berkait rapat untuk membolehkan seseorang mengetahui bagaimana untuk membuat satu analisis dan interpretasi terhadap sesuatu gambar, potret atau lukisan. Oleh itu, Teori Ikonografi dan Teori Apresiasi adalah sangat penting dalam Pendidikan Seni.